


T I N T A U M M I

The title 'DOA ANAK ADAM' is centered in large, bold, white, sans-serif capital letters. It is surrounded by various decorative elements: a white dove in flight at the top left, a pink butterfly above the 'A' in 'DOA', a large pink peony flower to the right of 'DOA', a white dove in flight at the bottom right, and several other flowers including white and pink peonies, pink hibiscus, and pink lotus-like flowers. Green leaves and smaller pink butterflies are scattered around the text. The background is a solid teal color with faint, light-colored floral patterns.

# DOA ANAK ADAM

*Teknik Susun Atur Doa Para Nabi*



## **Pengurusan Pondok Ilmu**

No. 36 Jalan Camar 8, Taman Perling 81200 Johor Bahru

Tel : 013-7222165

© Tinta Ummi

Cetakan Pertama 2021

Walaupun buku ini dibenarkan dicetak ulang dengan tujuan memberi manfaat, ia tidak pula bermaksud boleh menokok tambah tanpa keizinan betulis dari Pengurusan Pondok Ilmu. Kami juga tidak mengizinkan menggunakan logo kami jika dicetak ulang dengan tujuan pembaikan.

Cetak ulang hanya diberikan kepada reka bentuk asal dan perubahan hanya dari pihak Pengurusan Pondok Ilmu Sahaja.

### **PENGURUS PENERBITAN**

Roziah Kamal

### **SUNTINGAN & SUSUNATUR**

Amalina Md Samri

### **PEREKA KULIT**

Megat Azriq Akhimullah

Diterbitkan & diedarkan oleh :

**Pengurusan Pondok Ilmu**

---

## PRAKATA

Terlebih dahulu penulis memohon ampun dan maaf atas keterlanjuran menulis catatan yang serba kekurangan hanya asbab ingin berkongsi sedikit pemerhatian terhadap doa-doa yang dipanjatkan oleh para Nabi & Rasul.

Buku ini tidak bermaksud untuk dikomersialkan, namun jika ia ada kebaikan hasil perkongsian ini, dibenarkan mencetaknya dengan izin bagi mengisi tabung atau dana bagi maksud membantu atau menolong mana-mana organisasi, majlis ilmu, fakir, asnaf, bantuan yang memerlukan, maka lakukanlah dengan tujuan kebaikan hanya kerana Allah swt.

Saya tidak mengatakan pemerhatian saya adalah mutlak dan wajar! Ia hanya sebuah pemerhatian tentang adab, cara permintaan seorang Hamba kepada RabNYA. Begitu tertib yang dicontohkan oleh para Rasul dan Nabi kita.

Inilah model terbaik dan seharusnya kita mengikut susun atur yang dicontohkan. Adakala kita terlalu rakus dalam memanjat doa kepada

---

pencipta hingga tanpa disedari, kita telah memerintah Allah swt sesuka hati mengikut nafsu serakah kita. Nauzubillah min zalik.

Jika ada kebaikan dari penulisan ini, hadiahkan sedikit Al Fatihah buat kita semua, kerana berjaya membacanya dan mengambil ikhtibar dalam beradab memanjat doa.

Semoga ada sedikit kesedaran untuk menjentik hati kita dalam beradab dalam berdoa. InsyaAllah.


*~ Tinta Ummi*

---

# ISI KANDUNGAN

<b>“THE SHORTCUT WAY”</b> .....	1
<b>MENGAPA KITA BERDOA</b> .....	4
<b>BESARNYA KESAN DOA</b> .....	11
<b>HATI-HATI DENGAN CARA BERDOA</b> .....	18
<b>CARA &amp; ADAB BERDOA PARA NABI &amp; RASUL</b> .....	26
<b>Kita ambil doa Dari Ayahanda Nabi Adam as.</b> .....	27
<b>PERANGKAP DOA</b> .....	30
<b>FORMAT CARA NABI BERDOA</b> .....	36
<b>DOA NABI NOH AS</b> .....	37
<b>DOA NABI IBRAHIM AS</b> .....	41
<b>DOA NABI AYUB AS.</b> .....	46
<b>DOA NABI SULAIMAN AS</b> .....	48
<b>DOA NABI MUHAMMAD SAW</b> .....	51
<b>APA SEBAB DOA TERHIJAB</b> .....	56
<b>LATIH-TUBI BERDOA</b> .....	60
<b>SUMBER RUJUKAN</b> .....	68

---



## “THE SHORTCUT WAY”

Saya yakin! Tak ramai yang mempunyai habit suka membaca apatah lagi jika ianya berbentuk tulisan semata-mata. Namun jika anda adalah pada kategori di atas, maka ada BERITA BAIK untuk anda. Saya ringkaskan penulisan ini diawal catatan buku nota ini. Anda tidak perlu menghabiskan kesemua babak. NAMUN!! Anda akan terlepas babak yang menceritakan **“KEPENTINGAN BERDOA”, “PERINTAH BERDOA”, “BERHATI-HATI DENGAN DOA”, TERTIB BERDOA, CONTOH PERANGKAP BERDOA, SUSUNAN CONTOH DOA PARA NABI, MENGAPA DOA TERHIJAB DAN LATIHAN MENYUSUN DOA.”**

Jika ini semua tidak penting, anda cukup membacanya pada babak “THE SHORTCUT WAY” dan pada sesi “LATIHAN MENYUSUN DOA” ia sudah memadai. Namun bila anda rasa ia seperti ada kekurangan, maka rujuklah mana-mana babak yang mungkin boleh membantu doa-doa anda menjadi tertib dan mudah-mudahan diterima Allah.

Mulakanlah doa dengan berselawat ke atas Nabi junjungan kita dan juga berselawat di akhir doa sepertimana biasa. Kemudian bolehlah aturkan skrip susunan ayat doa berdasarkan adab berikut:

Susun atur adab doa mencontohi para nabi :

1. **MERENDAH DIRI SELAYAKNYA SELAKU SEORANG HAMBA**  
*(merendah diri hanya pada Allah swt selayaknya seorang hamba kepada penciptanya. Tidak sesuai sesama makhluk. Maka rendahkanlah diri hanya kepada DIA yang maha Agung)*
2. **BERSERAH DIRI**  
*(berserah diri bermakna “surrender” yang benar-benar mengaku kalah umpamanya. Maka hendaklah ada sikap, Engkau BENAR dan aku menurut segala kehendak)*
3. **MEMOHON HAJAT DENGAN ADAB**  
*(Pohonlah sesuatu tanpa menyebutkan kehendak sebenar. Inilah yang harus dipelajari dari doa-doa para nabi. Walau ada yang meminta ‘direct’ hajat mereka, namun ianya bukan untuk kepentingan peribadi atau kaum kerabat.)*
4. **MENYERAHKAN KEMBALI KEPADA ALLAH DENGAN MEMUJI NAMA-NAMA ALLAH YANG MULIA**  
*(Setelah hajat telah disisipkan dalam doa, maka kembalikan segala urusan kepada Allah yang maha memiliki segala kekuasaan disebalik memuji nama-namanya yang mulia)*

Cukuplah sampai sini dan pratiskanlah! Ini saja!

Namun anda bakal tertinggal tentang adab-adab dan pemerhatian yang mengukuhkan keyakinan akan kaedah memanjat Doa.

Betapa lazatnya berdoa dengan yakin dan di contohi oleh para ambiya'. Tiada perasangka, berserah diri bersedia dengan takdir Allah.

Semoga Allah bimbing kita menjadi insan yang “sweet” di sisi Allah. Kerana kita tahu setiap amal kita belum tentu menjamin pengakhiran ini, hanya Rahmah Allah kita berharap. Semoga Allah Redha.

\*\*\*\*\*



## MENGAPA KITA BERDOA

Allah Maha Mengetahui segala apa yang kita zahirkan mahupun yang kita sembunyikan. Walaupun kita tidak beritahu hajat atau permintaan kita, Allah tetap tahu segalanya. Jadi kenapa perlu lagi kita berdoa?

Jawapannya, **KERANA KITA ADALAH HAMBA ALLAH!!!**

Berdoalah kerana Allah sendiri “SENTIASA” mendidik kita (hambanya) agar selalu berdoa kepadaNYA.

Malah para Rasul dan Nabi juga mendidik umatnya agar berdoa setiap ketika dan keadaan. Rasulullah saw kecara khusus mengajar kita berdoa dari bangun tidur, masuk keluar rumah, tandas, memakai baju, makan, menaiki kenderaan dan pelbagai doa lagi, dan ini menjadi amalan orang-orang Soleh.

Terdapat 9 sebab mengapa berdoa itu penting!

1. Mengekal hubungan kita dengan Allah
2. Ini amalan Para Rasul, Nabi, Sahabat dan orang-orang soleh
3. Meraih keredhaan Allah dan Istiqomah melakukan perubahan serta kebaikan
4. Didampingi malaikat dijauhi syaitan
5. Rasa berkongsi menghadapi kebuntuan
6. Meningkatkan “energy” diri dalam bertindak
7. Memohon perlindungan, petunjuk, peringatan dan rahmah
8. Doa juga tempat segala pintu pohon keampunan, rezeki dan masa hadapan.

Dah faham kenapa perlu BERDOA??? Selagi anda belum baca akan KENAPA KITA BERDOA, jangan baca seterusnya...

Eh? Eh kenapa tak ada tempat permintaan??? Hati-hati sahabat!!

\*\*\*\*\*



## PERINTAH BERDOA

Penting sangat bab ini bagi menjelaskan bahawa BERDOA itu sesuatu yang ada perintahnya. Ibarat kalau mak menyuruh kita salam mak setiap hendak berpergian. Tapi kita ingkar, bukan mak sahaja bersedih hati, malah kita tidak mendapatkan keredhaan mak.

Allah yang maha penyayang lagi maha pemurah tidak akan sama sekali tandingannya dengan mak.

Malah Allah tidak berharap sesuatu apapun dari kita selaku hambanya. Dengan kekuasannya yang maha Agung, di perintahnya kita untuk berdoa. Apakah kita mengambil mudah akannya?

Alhamdulillah, pujian dan syukur kepada Illahi dengan pelbagai kurniaan dan anugerah yang tidak terhitung buat kita semua. Selawat dan salam ke atas Nabi SAW, keluarga, sahabat dan yang mengikut jejak langkahnya hingga hari kesudahan.

Doa menurut Imam al-Khattabi adalah pemohonan hamba kepada Tuhannya dengan mengharapkan pertolongan-Nya dan juga bantuan daripada-Nya. (Lihat *Sya'n al-Du'a*, 1/4)

### FIRMAN MERAIH DOA

Allah SWT telah menjadikan doa sebagai sebab untuk meraih apa yang diinginkan. Allah SWT berfirman:

وَقَالَ رَبُّكُمْ ادْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ ۚ إِنَّ الَّذِينَ  
يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِي سَيَدْخُلُونَ جَهَنَّمَ دَاخِرِينَ

**Maksudnya:** *Dan Tuhan kamu berfirman: "Berdoalah kamu kepadaKu nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu. **Sesungguhnya orang-orang yang sombong takbur daripada beribadat dan berdoa kepadaKu, akan masuk neraka Jahannam dalam keadaan hina.** (Surah Ghafir:60)*

Imam Ibn 'Asyur di dalam tafsirnya menyatakan bahawa ayat ini menjadi dalil bahawa Allah SWT menuntut hamba-Nya untuk berdoa kepada-Nya berkaitan hajat-hajatnya serta ia menjadi dalil akan pensyariatannya dan perkara ini

tidak mempunyai khilaf dalam kalangan umat Islam sendiri.  
(Lihat *Tafsir Ibn 'Asyur*, 183/24)

### ANTARA DALIL PERINTAH BERDOA

يَا أَيُّهَا النَّاسُ أَنْتُمْ الْفُقَرَاءُ إِلَى اللَّهِ وَاللَّهُ هُوَ الْغَنِيُّ الْحَمِيدُ

*"Wahai manusia! Kamulah yang memerlukan Allah; dan Allah Dialah Yang Maha kaya (tidak memerlukan sesuatu), Maha Terpuji"*

(QS. Fathir: 15)

Berkata Ibnu Katsir rahimahullah amat memerlukan Allah dalam segala hal bahkan dalam keadaan berdiam sekalipun. Secara dzat Allah tak perlukan hambanya.

Dialah yang Maha Kaya lagi Maha Terpuji, iaitu Allah-lah dalam kitab tafsirnya ketika menjelaskan firman Allah QS. Fathir ayat 15 di atas, "Seluruh makhluk yang bersendirian, tidak memerlukan pada makhluk-Nya, tidak ada sekutu bagi-Nya. Allah sungguh Maha Terpuji pada apa yang Dia perbuat dan katakan, juga pada apa yang Dia takdirkan dan syariatkan."

Satu dalil lain tentang perintah berdoa adalah firman Allah dalam Al Quran.

ادْعُوا رَبَّكُمْ تَضَرُّعًا وَخُفْيَةً إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُعْتَدِينَ

*"Mohonlah (berdoalah) kamu kepada Tuhanmu dengan cara merendahkan diri dan suara lembut, bahwasannya Allah tidak menyukai orang-orang yang melampaui batas; (QS Araf: 55)*

وَلَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا وَادْعُوهُ خَوْفًا وَطَمَعًا إِنَّ

رَحْمَةَ اللَّهِ قَرِيبٌ مِّنَ الْمُحْسِنِينَ

*dan janganlah kamu berbuat kerusakan di bumi setelah (Allah) memperbaikinya; dan mohonlah (berdoalah) kamu kepada Allah dengan rasa takut dan harapan (sangat mengharap); bahwasannya rahmat Allah itu sangat dekat kepada orang-orang, yang ihsan (orang-orang yang berbuat baik)."* (QS Araf: 56)

Sedangkan bagi mereka yang tidak mahu berdoa kepada Allah, Allah sebut mereka sebagai orang-orang yang menyombongkan diri karena tidak mau berdoa sebagai wujud beribadah kepadaNya. Seperti ayat dalam di bawah

وَقَالَ رَبُّكُمْ ادْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ ۚ إِنَّ الَّذِينَ  
يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِي سَيَدْخُلُونَ جَهَنَّمَ دَاخِرِينَ

**Maksudnya :** "Berdoalah kepada-Ku, niscaya akan Ku perkenankan bagimu. Sesungguhnya orang-orang yang menyombongkan diri dari menyembah-Ku akan masuk neraka Jahanam dalam keadaan hina dina."  
(QS. Al Mukmin: 60)

2 kali Allah tegur “direct” pada kita mengatakan Sombong jika hambanya tidak berdoa. Sebenarnya kita pun mengakui bahwa berdoa atau memohon pertolongan hanya pada Allah. Setidaknya 17 kali dalam sehari semalam kita mengakui hal tersebut.

Hal ini sebagaimana Allah berfirman dalam QS Al Fatihah "Sesungguhnya hanya kepadaMulah kami beribadah, dan hanya kepadaMulah kami memohon pertolongan".

Sehingga menjadi naif juga ajaib bila pengakuan kita hanya sebatas pengakuan di mulut. Seolah tidak sadar diri ketika mengakuinya. Ini terbukti kita meninggalkan bedoa kepada Allah.

## BESARNYA KESAN DOA

Kita disuruh berdoa kerana besarnya kesannya terhadap apa yang akan berlaku. Daripada Ibn Umar R.A, Nabi SAW bersabda:

إِنَّ الدُّعَاءَ يَنْفَعُ مِمَّا نَزَلَ وَمِمَّا لَمْ يَنْزَلْ ، فَعَلَيْكُمْ  
عِبَادَ اللَّهِ بِالْدُّعَاءِ

**Maksudnya:** *“Sesungguhnya doa bermanfaat terhadap apa yang telah diturunkan dan apa yang belum diturunkan. Hendaklah kamu berdoa wahai hamba Allah.”*  
Riwayat al-Tirmizi (3548)

## DOA MAMPU MENGUBAH TAKDIR

Manakala dalam sebuah hadis lain, Nabi SAW menjelaskan betapa besarnya kuasa doa sehingga mampu mengubah sesuatu takdir. Daripada Thauban R.A, Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ الرَّجُلَ لَيُخْرَمُ الرِّزْقَ بِالدَّنْبِ يُصِيبُهُ  
ولا يرد القضاء الا بالدعاء

**Maksudnya:** *“Sesungguhnya seseorang itu boleh terhalang dari rezeki disebabkan dosa yang dilakukannya. Tidak ada yang dapat menolak takdir kecuali doa.”*

*Riwayat Ibn Majah (4022), Ahmad (22745) dan al-Baihaqi dalam Syu'ab al-Iman (9752)*

Seseorang yang tidak berdoa merupakan orang yang keliru dengan konsep takdir dan doa. Di dalam kitab *Majmu' Fatawa* dijelaskan: “Sesiapa yang berkata: ‘Saya tidak berdoa dan tidak memohon kerana hanya bersandar dengan takdir, maka orang itu keliru.

Ini kerana Allah SWT telah menjadikan doa dan permohonan sebagai sebab untuk meraih keampunan dan rahmat-Nya serta memberinya petunjuk dan pertolongan serta rezeki-Nya. Jika seseorang telah ditakdirkan kebaikan dengan doa, maka kebaikan tersebut tidak akan

dapat diraih kecuali dengan doanya. (Lihat ***Majmu' Fatawa***, 8/69)

## DOA MENGHADAPI MUSIBAH

Dalam menghadapi musibah, doa dan permohonan kepada Allah SWT mampu menolong seseorang dalam menghadapi musibah. Ibn Qayyim dalam *al-Jawab al-Kafi* menyebut:

“Doa merupakan ubat yang paling bermanfaat. Ia merupakan musuh bagi musibah. Ia dapat mengubati dan mengatasinya, mencegah turunnya musibah atau mengangkatnya atau meringankannya. Ia merupakan senjata orang beriman.

Doa dalam menghadapi musibah terbahagi kepada tiga tingkatan:

- Doa lebih kuat dari musibah, maka ia dapat mengusirnya.

- Doa lebih lemah dari musibah, maka musibah dapat mengalahkannya sehinggalah seseorang ditimpa musibah. Akan tetapi boleh jadi doa dapat meringankannya walaupun doanya lemah.
- Keduanya saling berlawanan antara satu sama lain, saling mencegah terjadinya pada orang tersebut.

### **KETERANGAN HAL DOA**

Daripada nas dan kenyataan di atas, jelas bahawa doa berperanan dalam meraih sesuatu yang diinginkan oleh seseorang. Allah SWT telah menjadikan doa sebagai sebab dalam meraih keampunan dan rahmat daripada-Nya. Begitu juga dalam memohon petunjuk, pertolongan serta rezeki daripada-Nya.

Kami tegaskan di sini, janji Allah yang thabit bagi orang yang berdoa, antaranya:

- Firman Allah SWT:

وَإِذَا سَأَلَكَ عِبَادِي عَنِّي فَإِنِّي قَرِيبٌ ۖ أُجِيبُ دَعْوَةَ  
الدَّاعِ إِذَا دَعَانِ ۖ فَلْيَسْتَجِيبُوا لِي وَلْيُؤْمِنُوا بِي لَعَلَّهُمْ  
يُرْشَدُونَ

**Maksudnya:** *Dan apabila hamba-hambaKu bertanya kepadamu mengenai Aku maka (beritahu kepada mereka): sesungguhnya Aku (Allah) sentiasa hampir (kepada mereka); Aku perkenankan permohonan orang yang berdoa apabila ia berdoa kepadaKu. Maka hendaklah mereka menyahut seruanku (dengan mematuhi perintahKu), dan hendaklah mereka beriman kepadaKu supaya mereka menjadi baik serta betul.*

(Surah al-Baqarah:186)

Ibnu Kathir menjelaskan, ayat ini menunjukkan bahawa Allah SWT tidak akan mengecewakan doa orang yang memanjatkan doa kepada-Nya. Dia tidak menolak dan mengabaikan doa seseorang, bahkan Dia Maha Mendengar doa. Di dalam pengertian ini terkandung anjuran untuk sentiasa berdoa, dan bahawa Allah SWT tidak akan mensia-

siakan doa yang dipanjatkan kepada-Nya. (Lihat *Tafsir al-Quran al-'Azim*, 1/506)

Syeikh al-Maraghi berkata: “*Istijabah* bermaksud memperkenankan seruan dengan penuh perhatian dan bersedia untuk melaksanakannya.

Ini bermaksud disebabkan Aku sangat hampir dengan mereka, Aku mengkabulkan doa orang yang berdoa kepada-Ku, maka hendaklah mereka menyahut seruan-Ku dengan menjalankan apa yang Aku perintahkan kepada mereka, iaitu beriman dan menunaikan ibadah yang berguna untuk mereka, seperti puasa, sembahyang, zakat dan ibadah lain. Apa yang Aku serukan kepada mereka seperti Aku mengkabulkan doa mereka dengan cara menerima ibadah mereka. (Lihat *Tafsir al-Maraghi*, 1/368)

- Firman Allah SWT lagi:

وَقَالَ رَبُّكُمْ ادْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ

**Maksudnya:** *Dan Tuhan kamu berfirman: "Berdoalah kamu kepadaKu nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu.* (Surah Ghafir:60)

Marilah kita sama-sama melazimi dengan berdoa dan memohon kepada Allah SWT dalam apa jua perkara dan urusan dalam kehidupan kita.

\*\*\*\*\*

Setelah Panjang lebar tentang hujah mengapa perlu berdoa, Mohonlah Allah beri kefahaman akan keyakinan untuk berdoa. Namun doa yang bagaimana??



## HATI-HATI DENGAN CARA BERDOA

Kena berhati-hati dengan cara berdoa??? Bukankah Allah itu maha pengasih lagi maha penyayang. Tuhan yang memiliki segala seisi Alam mahu yang zahir dan yang batin. Mengetahui segala kehendak hambanya.

Nak ada protocol juga? Eh! Mestilah ada! Kita jumpa raja pun kena ada protocol, kena buat temujanji, kena jaga adab, minta sembah ampun sebelum nak bercakap kan.....

Tapi Allah yang maha pengasih lagi maha penyayang sekali lagi, tiada bandingannya dengan makhluk!

### **MANUSIA BERDOA KERANA APA?**

Seringkali bila dikaitkan dengan doa, kita sering berkait dengan permohonan hajat, memohon perlindungan, mohon keampunan, memohon segala kemahuan dunia mahupun akhirat.

Jika JANGKASUHU EMOSI boleh diwujudkan, pasti “rating” akan tinggi diwaktu kesedihan, waktu kepayahan, waktu memerlukan, waktu mengharapakan berbanding pada waktu tenang.

Sedangkan JIWA YANG TENANG itu sebenarnya adalah waktu yang paling dekat dengan penciptanya.

الَّذِينَ آمَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ

*"Orang yang beriman hati mereka menjadi tenteram dengan mengingat Allah. Ingatlah, hanya dengan mengingat Allah, hati menjadi tenteram."* (Surah ar-Ra'd: 28)

اتْلُ مَا أُوحِيَ إِلَيْكَ مِنَ الْكِتَابِ وَأَقِمِ الصَّلَاةَ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ

*Firman-Nya lagi yang bermaksud: "Bacalah Kitab (Al-Quran) yang diwahyukan kepadamu (Muhammad) dan laksanakanlah solat. Sesungguhnya solat itu mencegah dari perbuatan keji dan munkar. Dan sesungguhnya mengingat Allah adalah lebih besar*

*keutamaannya daripada ibadah yang lain. Allah mengetahui apa yang kamu kerjakan."* (Surah al-Ankabut: 45)

Betapa lamanya jiwa kita terabai dari ketenangan. Namun ada berita baiknya. Walau kita terabai dari ketenangan, sebagai seorang Islam, jika kita berdoa dalam keadaan apa jua sekalipun, Allah maha mendengar lagi mengetahui. Dan inilah petanda anda telah berbalik kepada Rab yang menciptakan.

Kenapa jiwa tak tenang? Ini ada "clue"!! Kerana kita sering terlupa bersungguh-sungguh "BERSERAH DIRI" pada Allah. Saat kita pulangkan Kembali segala keresahan, segala kegalauan, segala permasalahan dan segala pengharapan pada Allah, apa sahaja ketetapan yang telah Allah berikan, sewajarnya kita terima. Tiada yang TIDAK BAIK dari ALLAH. Hanya kita tidak mampu mengambil HIKMAH di sebalik segala kejadian. Maka berdoalah!

## INI CERITA BEST!

Sebuah kisah untuk dijadikan satu pengajaran yang baik tentang hati-hati dengan DOA. Dipetik dari kitab Al-Hikam tulisan Syaikh Ibn Atha'illah as-sakandari.

Tajuknya :

### **JANGAN MEMINTA ALLAH MENGUBAH KEHENDAK YANG SUDAH DITETAPKAN**

Ada sebuah kisah seorang soleh yang sentiasa rajin beribadah. Demi kelangsungan kehidupan, beliau kena keluar bekerja.

Satu hari, beliau berdoa ***“Seandainya setiap hari aku mendapatkan 2 keping Roti tanpa harus keluar bekerja, maka aku akan lebih banyak beribadah kepada Allah sepanjang hari”***

Beberapa hari berlalu, Ahli Ibadah ini telah didapati bersalah dan dipenjarakan atas satu kesalahan untuk beberapa waktu lamanya.

Setiap hari dipenjara, beliau telah diberikan 2 keping roti (tanpa harus bekerja).Setelah cukup lama dalam penjara, ia mulai merasa terseksa dengan nasibnya.

Lalu beliau teringat akan apa yang pernah diucapkannya dahulu. Dan beliau memohon keampunan Allah ta'ala atas permintaannya yang menyalahi kehendak Allah!

Allahu!

Apa yang kita belajar dari kitab Hikam ini?

Pertama, beliau merupakan seorang yang tenang sebenarnya. Rajin beribadah. Tuntutan dunia ditunaikan di samping menjaga hubungan dengan Allah. Namun beliau mengkehendaki lebih. Iaitu lebih dekat dengan Allah (pada pandangan beliau). Walhal mencari rezeki secara sunatullah seorang yang manusia, harus keluar kerja untuk menunaikan tuntutan rezekinya di dunia.

Kedua, Doa beliau Allah makbulkan. Namun ia datang bersama pakej. Dua keping roti bersama penginapan di penjara!

Ketiga, kita barangkali berkehendak akan sesuatu yang lebih baik, tetapi sebenarnya kita telah menjadi seorang yang melampaui batas!

Keempat, beliau telah diberi peluang untuk beribadah tanpa perlu bekerja dengan rezeki 2 keping roti

Kelima, sebenarnya beliau sendiri tidak mampu menjalani dengan kehidupan PAKEJ 2 keping roti tanpa kerja.

Keenam, akhirnya beliau merasakan telah menzalimi diri sendiri dan mohon keampunan dari Allah ta'ala.

Cuba kita lihat diri kita sendiri. Betapa banyak doa-doa kita terlihat seperti dimakbulkan namun samada kita perasan atau tidak, ia datang dengan pakej.

*“Dulu hidup susah, duit tak ada, tapi hati tenang. Sekarang duit banyak, suami/isteri pulak buat hal”*

*“Alhamdulillah, rezeki semakin baik, Cuma aku tak ada masa macam dulu lagi”*

*“Dulu tak ada isteri nak isteri, dah ada isteri kuat pulak berleter”*

*“Anak-anak aku tidur baru diam, kalau tidak suara dia sahaja dalam rumah ini”*

*“Apalah nasib dapat bos macam ini?”*

Ini semua keluhan biasa didengari dalam dialog bila mencurahkan sesuatu hal pada orang lain. Kalau tengok dari dialog satu per satu di atas, tentulah sebelum kita mendapatkan sesuatu, kita pasti membandingkan dengan situasi dulu dan sekarang.

Cuba kita perhalusi satu persatu ayat di atas. Ambil 2 contoh terakhir.

***“Apalah nasib dapat bos macam ni”***

Masa mengangur dulu berdoa semoga memperolehi pekerjaan. Telah Allah kurniakan, kita masih merungut juga.

***“Anak-anak aku tidur baru diam, kalau tidak suara dia sahaja dalam rumah ini”***

Walhal masa baru berkahwin berdoa suami isteri agar dikurniakan cahaya mata. Allahu... kalaulah Allah ‘diamkan’ pula anak kita, sanggupkah kita kehilangan suara anak kita atau kita kehilangannya selama-lamanya...

Jadi bagaimana nak dapat cara doa yang tepat dan betul?  
Ada ke?

Jawapan : TENTULAH ADA!!!

\*\*\*\*\*



## CARA & ADAB BERDOA PARA NABI & RASUL

Allah sama sekali tidak meletakkan SOP berdoa dari seorang hambanya kepadaNYA. Tapi kitalah sebenarnya harus belajar dari orang-orang terdahulu, ulamak, para sahabat, Nabi dan Rasul.

Jika kita perhalusi cara para nabi memanjat Doa kepada Rabbnya pasti ada Adap dan “step” yang diguna pakai.

Adab kita selaku seorang mukalaf (orang yang sihat akalnya, akil baligh dan sudah mengenal apa itu islam) seharusnya ikutlah ritual yang telah digariskan oleh guru-guru.

Sebaik-baiknya doa waktu-waktu afdal, dalam solat (Sujud), seusai solat dan keadaan tertentu seperti hujan lebat, memohon doa dari orang yang tertentu) .

Namun itu semua tidak dikupaskan di sini, kerana apa yang ingin dibawakan adalah susunan bagaimana adab mengenderai doa itu sendiri.

Contoh yang terbaik adalah doa para Rasul atau para Ambiya. Jom kita lihat salah satu doanya di sini.

Kita ambil doa Dari Ayahanda Nabi Adam as.

رَبَّنَا ظَلَمْنَا أَنفُسَنَا وَإِن لَّمْ تَغْفِرْ لَنَا وَتَرْحَمْنَا لَنَكُونَنَّ مِنَ  
الْخَاسِرِينَ

*"Ya Tuhan kami, kami telah menzalimi diri kami sendiri. Jika Engkau tidak mengampuni kami dan memberi rahmat kepada kami, niscaya kami termasuk orang-orang yang merugi."* (QS. Al-A'raf: 23)

Melihat kepada Ayat ini, dan menyingkap kepada ayat sebelum dan selepas mempunyai penceritaan kisah. Dimana setelah penyempurnaan Nabi Allah Adam as dan pasangannya maka adegan tipu helah Syaitan bermula dari ayat 7:20-22.

Tersedar dari tipu daya maka Nabi Adam as dan isteri memulakan doanya yang pertama pada ayat di atas (7:23)

Apakah skrip dan susun atur dialog doa ini. Mari kita rungaikan.

<b>Skrip Doa</b>	<b>Pemerhatian</b>
<b><i>Ya Tuhan kami, kami telah menzalimi diri kami sendiri</i></b>	Sebuah pengakuan seorang hamba kepada RabNYA.
<b><i>Jika Engkau tidak mengampuni kami dan memberi rahmat kepada kami</i></b>	Merayu kepada yang berhak (Allah) dan sedar diri akan ada ancaman di sana.
<b><i>niscaya kami termasuk orang-orang yang merugi.</i></b>	Sudah tahu akan akibat yang akan terjadi.

Nabi Adam as tahu bahawa dia telah ditipu oleh Syaitan dan melanggar larangan yang digariskan untuk tidak melakukan perkara yang di larang.

Adab di sini yang boleh kita pelajari di mana, halusny permintaan dari seorang Nabi kepada RabNya. Kerana dia tahu Allah itu maha mengetahui apa yang ada di isi hati hambanya.

**TIDAK PULA** Nabi Adam as melakarkan Doanya untuk meminta yang lebih seperti :

***“Jangan engkau putuskan nikmat aku di syurga ini, aku berjanji akan menjadi hamba yang taat dan tidak tertipu dengan godaan Syaitan”***

Adakah skrip ini ada persamaan dengan cara kita memohon doa? Terus minta, berani berjanji di luar kemampuan seorang hamba. Sekarang renungkan semula. Bagaimanakah doa kita selama ini?

Jika di lihat secara teliti ini adab aturan/susunan skrip Nabi Adam as memohon doa :

1. Mengaku kelemahan
2. Berserah diri pada Allah
3. Memohon keampunan
4. Menyedari akan kekuasaan Allah

\*\*\*\*\*



## PERANGKAP DOA

Apakah perangkap doa? Perangkap doa adalah bila mana kita berdoa, tanpa disedari menjerat diri malah lebih dari itu kita memerintahkan Allah mengikut kehendak kita.

Bagaimana kita boleh sampai hati untuk mengubah kehendak Allah? Kita mungkin tidak sampai bermaksud mengubah kehendak Allah, kerana kita juga faham siapalah kita yang tegar untuk melakukannya.

Namun perbuatan kita, cara pertuturan kita malah doa-doa kita yang kita ajukan merupakan ayat nyata yang mungkin menjadi ayat perintah! Adoi!!! Hati-hati wahai sahabat!

Jom kita lihat beberapa jenis Doa yang menjadi Perangkap! Kita namakan ia sebagai **“DOA KITA”**

## Doa Kita 1

*Ya Allah, berilah aku kekuatan dalam mengharungi ujian yang engkau berikan.*

### Perangkap Doa :

**Doa Kita 1** merupakan doa yang tidak bertanggung dengan ujian. Mungkin sahaja ujian bebanan kewangan, rumahtangga atau apa sahaja.

Kita memohon Allah untuk beri kekuatan dalam mengharungi ujian yang Allah berikan. Ini adalah permintaan amat berani sebenarnya. Ayat “berilah aku kekuatan dalam mengharungi ujian yang engkau berikan” merupakan permohonan terbuka dan tiada sempadan.

Untuk menjadi lebih baik “KUAT” alat pengukuranya adalah “UJIAN” jika kita mampu melangkaui ujian tersebut, bermakna kita “KUAT” jalani ujian. Jadi mengapa kita minta untuk menjadi kuat??? Kan lebih mudah kalau kita “mengaku sahaja” kita seorang yang lemah dan memerlukan pertolongan Allah. Ini lebih humble!

## Doa Kita 2

*“Ya Allah, kau lembutkanlah hati para “Board of Director” untuk meluluskan kertas kerja ku”*

### Perangkap Doa :

**Doa Kita 2** pula adalah “memohon” dalam istilah lembutnya, untuk diluluskan kertas kerja. Berharap semua ahli Lembaga pengarah bersetuju dan projek akan dapat kepada beliau. Jika Bahasa kasarnya inilah DOA PERINTAH! Minta doa diluluskan. Mungkin Allah luluskan juga dan barang kali sahaja kita kata doa kita dimakbulkan.

Ah! Sombongnya jadi manusia!! Ingat Allah siapa? Allah bagi sebab rahmat kasih sayangNya, tapi Allah boleh juga bagi sebab “bingit” dengan permohonan yang tak habis-habis dari kita.

Review diri kita semula, adakah harta yang kita ada sekarang ini cukup, berlebih atau memang ada hak orang lain yang sedang kita bangunkan.

### Doa Kita 3

*“Ya Allah, kau lembutkanlah hati suamiku agar dia kembali menyayangi aku dan anak-anak.”*

#### **Perangkap Doa :**

**Doa Kita 3** pula memohon agar suami berlembut dan kembali ke pangkuan keluarga. Mungkin cik Puan diuji dengan keberadaan orang ketiga dalam rumahtangga. Suami pula pulang dengan marah-marah tidak seperti selalu.

Allah amat senang dengan suara yang merintih dalam memohon pertolongan. Namun sekali lagi, jangan jadikan doa sebagai alat untuk perintah!

#### Doa Kita 4

*“Ya Allah temukan aku jodoh yang baik, yang boleh menjamin masa depanku dan menjadi imam/makmumku yang taat lagi setia kepada mu dan kepada ku”*

#### Perangkap Doa :

**Doa Kita 4** adalah doa memohon jodoh yang baik. Mohon untuk dikurniakan jodoh yang menjamin masa depan. Bukankah masa depan itu milik Allah! Bukan tak boleh memohon doa untuk mendapatkan Jodoh yang baik.

Cuma boleh diperhalusi dan perbaiki permohonan. Soal jodoh semua urusan Allah. Sama seperti mati. Kena faham format memohon doa. Apa yang boleh diminta sesuai dengan adab dan tatacara seorang hamba.

Kita tidak perlu kupas satu persatu untuk bagaimana pula doa yang seharusnya kita susun dan pohon. Ini kerana bab selepas ini adalah kita melihat contoh-contoh terbaik para nabi dan Rasul berdoa. Jom kita tiru!!!

Adakah ini bentuk doa kita? Atau lebih kurang seumpamanya? Kalau tidak ... anda boleh berhenti membacanya di sini. Kerana anda mungkin ada format yang lebih baik!

Silakan kupas satu persatu “DOA KITA” agar kita benar-benar faham apa yang telah kita lakukan.



## FORMAT CARA NABI BERDOA

Dalam bab ini kita akan melihat sendiri doa-doa para Nabi dan Rasul yang dipetik dari Al Quran tentang setiap ujian yang harus kita sama-sama teladani.

Tujuannya tidak lain supaya kita lebih mengamati setiap yang dipohon, cara mereka memohon doa dan adabnya juga.

Setiap permintaan berbeza-beza, walaupun bunyinya seperti sama. Namun setiap permintaan ada rentetan peristiwanya. Jadi berlapang dada, kerana format dari Al-Quran ini adalah teladan terbaik dan sangat wajar kita mengikutinya

1. DOA NABI NOH AS - KEAMPUNAN
2. DOA NABI IBRAHIM AS – KETURUNAN & BINAAN
3. DOA NABI AYUB AS – SEMBUH PENYAKIT
4. DOA NABI SULAIMAN AS - KEKAYAAN
5. DOA NABI MUHAMMAD SAW – SELAMAT DUNIA AKHIRAT

## DOA NABI NOH AS

(Hud : 45 & 47)

Doa Nabi Noh as dicatatkan di dalam Al Quran dengan 2 permintaan. Apakah suasana yang sedang dihadapi?

Nabi Noh as sedang bertarung dalam menyelamatkan orang-orang yang beriman juga kaum keluarganya. Namun seperti yang kita ketahui, sebahagian keluarganya tidak mengikuti ajaran yang di bawa oleh Nabi Noh as.

Doa pertama di saat genting ini Nabi Noh as berdoa :

وَنَادَى نُوحٌ رَبَّهُ فَقَالَ رَبِّ إِنَّ ابْنِي مِنْ أَهْلِي وَإِنَّ وَعْدَكَ الْحَقُّ  
وَأَنْتَ أَحْكَمُ الْحَاكِمِينَ

Dan Nuh memohon kepada Tuhannya sambil berkata, “Ya Tuhanku, sesungguhnya anakku adalah termasuk keluargaku, dan janji-Mu itu pasti benar. Engkau adalah hakim yang paling adil.” (Hud : 45)

Apakah bentuk ancaman : **MOHON PERLINDUNGAN KELUARGA**

## DOA MEMOHON PERLINDUNGAN KELUARGA

Dalam Skrip ini kita bahagikan kepada 3 bahagian :

SKIL	DOA HAJAT	HAJAT
Deklarasi / Penyerahan	<i>Ya Tuhanku, sesungguhnya anakku adalah termasuk keluargaku,</i>	Memaklumkan bahawa ada kalangan keluarganya juga di sisinya yang sedang di uji.
Menuntut	<i>dan janji-Mu itu pasti benar</i>	Menuntut janji Allah akan di lindungi keluarganya dari malapetaka.
Memuji Allah	<i>Engkau adalah hakim yang paling adil.</i>	Menutup doa dengan memuji Allah.

Jangan salah faham dengan doa ini, kerana apa yang harus kita pelajari adalah Format doa.

*[Dalam isu Nabi Noh as meminta perlindungan ini telah dijawab oleh Allah swt dalam Ayat seterusnya Hud :46 bahawa mereka yang*

*zahirnya adalah anak kepada Nabi Noh as namun berlainan akidahnya. Maka mereka bukanlah keluarga Nabi Noh as.]*

Tiada satu ayat pun memohon “direct to the point” dari Nabi Noh as. Boleh sahaja beliau berdoa “Ya Allah selamatkanlah zuriat dan keturunanku”

Nabi Noh tidak meminta sesuatu yang melanggar adab memohon sesuatu yang tidak mampu terlihat olehnya dan yang menjadi rahsia Allah.

Kita lihat doa pada Surah Hud : 47

قَالَ رَبِّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ أَنْ أَسْأَلَكَ مَا لَيْسَ لِي بِهِ عِلْمٌ وَإِلَّا تَغْفِرْ  
لِي وَتَرْحَمْنِي أَكُنُ مِنَ الْخَاسِرِينَ

*Dia (Nuh) berkata, “Ya Tuhanku, sesungguhnya aku berlindung kepada-Mu untuk memohon kepada-Mu sesuatu yang aku tidak mengetahui (hakikatnya). Kalau Engkau tidak mengampuniku, dan (tidak) menaruh belas kasihan kepadaku, niscaya aku termasuk orang yang rugi.” Hud :47*

Apakah bentuk ancaman : **TAKUT AKAN MELAKUKAN PERMINTAAN YANG DIMURKAI ALLAH**

## DOA MEMOHON PERLINDUNGAN DAN KEAMPUNAN

SKILL	DOA	HAJAT
Berserah diri	<i>“Ya Tuhanku, sesungguhnya aku berlindung kepada-Mu untuk memohon kepada-Mu sesuatu yang aku tidak mengetahui (hakikatnya).</i>	Memohon perlindungan dan mengaku bahawa diri serba tidak mengetahui sesuatu di sebalik semua kejadian
Mohon Ampun	<i>Kalau Engkau tidak mengampuniku, dan (tidak) menaruh belas kasihan kepadaku</i>	Memohon belas kasih Allah untuk diberi keampunan atas keterlanjuran permintaan
Berserah diri	<i>niscaya aku termasuk orang yang rugi</i>	Tahu akan akibat hilang dari rahmat Allah

Jika diperhalusi, doa yang ke dua, lebih kepada memohon keampunan, maka di sini sikap berserah diri menjadi keutamaan.

## DOA NABI IBRAHIM AS (Al-Baqarah 127 & 128)

Jika dihitung doa Nabi Ibrahim pada helaian ms 19 & 20 terdapat 4 doa Nabi Ibrahim as. Berkaitan dengan Kota Mekah, pembangunan Kaabah doa di beri petunjuk.

Kita akan ambil 2 doa iaitu ayat 127 dan 128

وَإِذْ يَرْفَعُ إِبْرَاهِيمُ الْقَوَاعِدَ مِنَ الْبَيْتِ وَإِسْمَاعِيلُ رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّا ۖ إِنَّكَ أَنْتَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

*Dan (ingatlah) ketika Ibrahim meninggikan dasar-dasar Baitullah bersama Ismail, (seraya berdoa), “Ya Tuhan kami, terimalah (amal) dari kami. Sungguh, Engkaulah Yang Maha Mendengar, Maha Mengetahui. Al-Baqarah 127*

Sebelum doa ini, ayat 126 berkisahakan Nabi Allah Ibrahim memohon agar diberikan keamanan dan kecukupan rezeki di Kota Mekah. Kemudian turunlah perintah untuk mereka (bersama anaknya Ismail as) untuk membina Kaabah.

Dengan adanya sebuah perintah, jom kita lihat bagaimana Doa yang mereka panjatkan dalam membina bangunan. Kerana dalam ayat 127 ini Allah sendiri berfirman untuk ingat apakah cara doa mereka “dan ingatlah Ketika Ibrahim meninggikan dasar baitullah bersama Ismail”

Apakah bentuk ancaman: **TAKUT AKAN RIYA’, UJUB, TAKABUR.**

#### DOA MEMBANGUN PROJEK

SKILL	DOA	HAJAT
Penyerahan	<i>“Ya Tuhan kami, terimalah (amal) dari kami.</i>	Penyerahan secara total dengan rasa khauf (takut) dan rajaa’ (berharap)
Memuji Allah	<i>Sungguh, Engkaulah Yang Maha Mendengar, Maha Mengetahui</i>	Berserah kepada pemilik yang mengetahui segala isi hati (Al Sami’ & Al Alim) hambanya.

Merujuk tafsir kepada ayat ini, Nabi Allah Ibrahim amat takut dalam urusan berbangga diri hingganakan memanjat doa agar diterima amalan mereka berdua. Dengan rasa serba kekurangan walhal kita

semua tahu hari ini Kaabah begitu mulia dan dibangun oleh Bapa Tauhid yang dimuliakan saat ini.

Dua perkara yang dipelajari dari Doa ini adalah **PENYERAHAN & MEMUJI ALLAH.**

### DOA MEMOHON ANAK YANG BAIK

رَبَّنَا وَاجْعَلْنَا مُسْلِمِينَ لَكَ وَمِنْ ذُرِّيَّتِنَا أُمَّةً مُّسْلِمَةً لَّكَ وَأَرِنَا  
مَنَاسِكَنَا وَتُبْ عَلَيْنَا إِنَّكَ أَنْتَ التَّوَّابُ الرَّحِيمُ

*Ya Tuhan kami, jadikanlah kami orang yang berserah diri kepada-Mu, dan keturunan kami umat yang berserah diri kepada-Mu dan tunjukkanlah kepada kami manasik (haji) kami, dan terimalah taubat kami. Sungguh, Engkaulah Yang Maha Penerima tobat, Maha Penyayang.* (Al-Baqarah :128)

Setelah terbinanya Kaabah, penyerahan diri telahpun dilakukan dalam ayat sebelum ini, maka dipohon pula untuk mendapat keturunan yang baik, yang berserah diri dan memohon mendapatkan petunjuk.

## DOA MEMOHON KETURUNAN YANG BAIK

SKIL	DOA	HAJAT
Permohonan dan penyerahan diri	<i>Ya Tuhan kami, jadikanlah kami orang yang berserah diri kepada-Mu,</i>	Setiasa berharap hanya Allah tempat kita menyerah segalanya.
Permohonan untuk keluarga /keturunan	<i>dan keturunan kami umat yang berserah diri kepada-Mu</i>	Mohon orang sekeliling kita juga bersama-sama kita.
Mohon di beri petunjuk	<i>Mu dan tunjukkanlah kepada kami manasik (haji) kami,</i>	Mohon tunjuk ajar cara ibadah yang sebenar
Penyerahan diri	<i>dan terimalah taubat kami</i>	Mohon keampunan jika sepanjang perlakuan ini ada yang melampaui batas
Memuji Allah	<i>Sungguh, Engkaulah Yang Maha Penerima tobat, Maha Penyayang.</i>	Memuji dengan nama Allah Al-Afuw dan Al-Rahim.

Perkara yang di tekankan dalam Doa ini, **MENYERAH DIRI, DOA UNTUK KELUARGA JUGA MENYERAH DIRI, MOHON PETUNJUK, MEMUJI ALLAH**

## DOA NABI AYUB AS.

Al-Anbiya : 83

Bila dikaitkan dengan Nabi Ayub as sahaja hanya satu Doa yang sering dikaitkan iaitu dengan penyembuhan penyakit. Semua tahu Nabi Ayub as ditimpa penyakit yang cukup lama dan dengan kesabaran yang tinggi.

Namun tahukah anda Nabi Ayub itu sendiri tidak berdoa untuk kesembuhan secara khusus. Jom kita lihat.

وَأَيُّوبَ إِذْ نَادَىٰ رَبَّهُ أَنِّي مَسَّنِيَ الضُّرُّ وَأَنْتَ أَرْحَمُ الرَّاحِمِينَ

*Artinya: Dan (ingatlah kisah) Ayub, ketika ia menyeru Tuhannya, "(Ya Tuhanku), sungguh aku telah ditimpa penyakit padahal Engkau adalah Tuhan Yang Maha Penyayang dari semua yang penyayang"*

*(Qs. Al Anbiya: 83)*

Apakah bentuk ancaman: **DITIMPA PENYAKIT**

## DOA MEMINTA KESEMBUHAN

SKIL	DOA	HAJAT
Berserah diri	<i>Dan (ingatlah kisah) Ayub, ketika ia menyeru Tuhannya, "(Ya Tuhanku), sungguh aku telah ditimpa penyakit</i>	Mengadu / memaklumkan pada Allah
Memuji Allah	<i>padahal Engkau adalah Tuhan Yang Maha Penyayang dari semua yang penyayang</i>	Mahukan Allah mendengar pujian/makluman dari hambanya.

Perkara yang ditekankan : **MEMAKLUMKAN, MEMUJI ALLAH**

Bagaimana dengan doa kita? Seringkali, mohon di angkatkan penyakit, diberi kesembuhan segera. Allahu! malunya kita. Memanglah tidak setanding insan hebat bergelar Rasul dan Nabi.

## DOA NABI SULAIMAN AS (Surah Sad :35)

Jika anda terus ke Doa Nabi Sulaiman as tanpa membacanya yang terdahulu, bermakna memang sungguh kita ini manusia biasa. Masih berkisah urusan rezeki yang melimpah ruah untuk memudahkan urusan dunia kita. Tidak salah memohon kekayaan kepada Allah asalkan “pakej” yang hadir semoga kita lalui dengan sabar.

Doa nabi Sulaiman as ini adalah rentetan dari kejadian sebelumnya, dimana dia diuji dengan sebegitu hebat. Kita tidak memperbahaskan bentuk ujian tersebut. Kerana tafsir dan pandangan memberikan beberapa perbahasan bab ini. Dan ada unsur Israiliat yang kita tidak berpegang kepadanya.

Apa juga yang diminta oleh Nabi Sulaiman as. Bukanlah kepentingan peribadi namun mempunyai Misi yang diperintah oleh Allah. Maka dengan misi yang besar lalu berdoalah seorang Nabi kepada RabNYA.

Kita terus sahaja memerhati apa yang diminta oleh Nabi Sulaiman As.

قَالَ رَبِّ اغْفِرْ لِي وَهَبْ لِي مُلْكًا لَا يَنْبَغِي لِأَحَدٍ مِّنْ بَعْدِي إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ

*Dia berkata, “Ya Tuhanku, ampunilah aku dan anugerahkanlah kepadaku kerajaan yang tidak dimiliki oleh siapa pun setelahku. Sungguh, Engkaulah Yang Maha Pemberi.”*

Cabaran: **MEMOHON KEKAYAAN SELEPAS DIUJI**

SKILL	DOA	HAJAT
Memohon keampunan	<i>Dia berkata, “Ya Tuhanku, ampunilah aku</i>	Memohon keampunan keatas segala yang berlaku terdahulu
Memohon hasrat / hajat	<i>dan anugerahkanlah kepadaku kerajaan yang tidak dimiliki oleh siapa pun setelahku.</i>	Memohon dengan teknik “Ended” (penutup)

Memuji Allah	<i>Sungguh, Engkaulah Yang Maha Pemberi.”</i>	Memuji Allah dengan Al Wahabb
--------------	---	-------------------------------------

Sehingga ini, hampir semua doa “trend”nya adalah mohon **KEAMPUNAN, BERSERAH DIRI, MEMUJI ALLAH**. Jom kita tengok pula contoh terakhir.

## DOA NABI MUHAMMAD SAW

Al-Baqorah : 201

Banyak-banyak doa, Doa Nabi Muhammad saw merangkumi semua kebaikan di dunia dan akhirat. Inipun doa yang lazim kita amalkan disegala penutup doa.

Doa ini diuruti dari seusai ibadah Haji. Jika diamati Ibadah haji ini adalah merupakan satu pusingan (cycle) yang cukup indah bermula dari Niat, wukuf, Miqat, Melontar di 3 Jamrah, Tawaf, Saei dan bertahlul.

Begitulah juga dalam ibadah kita seharian.

Jika kita boleh mengambil hikmah dari perbuatan 7 rukun haji ini:

**Niat** - Niat adalah penting yang mana membezakan maksud asal kita melakukan pekerjaan. Maka amat rugilah jika tidak dibuat kerana Allah.

**Wukuf** – Ibadah ini diwajibkan ketika mengenakan haji, dimana inilah masa bersendirian untuk melihat diri dari

pelusuk yang paling dalam. Tidak perlu lama cukup untuk melihat diri dan merancang tentang apa yang harus dilakukan.

**Miqat** – Bermiqatlah iaitu mengutip segala kesalahan, kekhilafan yang tak boleh diulangi atau dilakukan.

**Melontar di tiga Jamrah** - Melontar segala apa yang tidak dikehendaki bersungguh-sungguh. Afirmasi (ketetapan hati) sebanyak 3 kali. Disaat ini kita sudah jelas misi yang hendak dilakukan.

**Tawaf** – Setelah itu berserahlah segalanya kepada Allah

**Saie** – Lakukanlah segala usaha yang dirancangan.

**Tahlul** – Ada garis penamat dalam ibadah yang dilakukan.

Ritual ini jika dapat dilaksanakan dalam setiap pekerjaan kita, maka kita akan terlatih akan penyerahan kita semuanya kepada Allah dengan disiplin yang sangat baik. Indahny Islam!

وَمِنْهُمْ مَّنْ يَقُولُ رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً  
وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

*Dan di antara mereka ada yang berdoa, “Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan lindungilah kami dari azab neraka.”* *Al Baqarah : 201)*

Banyak-banyak doa, Doa Nabi Muhammad saw merangkumi semua kebaikan di dunia dan akhirat. Inipun doa yang lazim kita amalkan disegala penutup doa. Kita lihat susunan Nabi Junjungan kita Muhammad saw dalam memohon Doa.

Cabaran: **TELAH MELAKUKAN SEGALA YANG DIPERINTAH**

SKILL	DOA	HAJAT
MEMOHON KEBAIKAN DI DUNIA	<i>Dan di antara mereka ada yang berdoa, “Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia</i>	Memohon jalan terbaik di dunia
MEMOHON KEBAIKAN AKHIRAT	<i>dan kebaikan di akhirat</i>	Memohon jalan terbaik di akhirat

MOHON PERLINDUNGAN DITEMPAT KEKAL	<i>dan lindungilah kami dari azab neraka.”</i>	Memohon dari azab api neraka di tempat yang kekal
--	--	--

Perkara ditekankan : **POHON KEBAIKAN KINI & AKAN DATANG, POHON PERLINDUNGAN KEKAL**

Jangan pula bertanya, kenapa rasulullah tidak meminta ampun! Doa Rasulullah terlalu banyak untuk ummatnya.

Hinggakan tersenarai juga antara 3 doa yang tidak dipenuhi oleh Allah swt. Doa yang tercatat di dalam Hadis shahih juga terlalu banyak.

Sekarang kita sudah mengenal pasti apakah format para Nabi dan Rasul dalam memohon doa.

Jika diperhatikan satu persatu dari ayat yang dikupas di atas, disenaraikan para Nabi dan Rasul meminta:

1. Berserah diri (Penyerahan)
2. Memuji Allah
3. Mohon Petunjuk
4. Memohon Hajat setelah di uji
5. Memohon Ampun
6. Memohon Kesejahteraan Dunia & Akhirat
7. Memohon Perlindungan

Dan hampir semua doa akan ada elemen **“BERSERAH DIRI”** menunjukkan ada yang lebih BERKUASA dari usaha yang kita lakukan iaitu ALLAH selaku pencipta dan kita selaku hamba yang harus tunduk patuh pada segala ketentuan.



## APA SEBAB DOA TERHIJAB

Nabi SAW bersabda:

"Tidaklah seseorang muslim memanjatkan doa kepada ALLAH selama tidak ada padanya dosa dan memutuskan silaturahmi (antara kerabat) melainkan **ALLAH akan beri padanya tiga perkara** yaitu **ALLAH akan segera mengabulkan doanya, ALLAH akan menyimpannya baginya di akhirat kelak dan ALLAH akan menghindarkan darinya keburukan** yang seumpamanya". Para sahabat berkata: "Kalau begitu, kami akan perbanyakkan doa". Nabi SAW lantas berkata: "ALLAH nanti yang memperbanyak mengabulkan doa-doa kamu." (Riwayat Ahmad).

Berdasarkan hadis itu, ada banyak sebab kenapa doa kita tidak dimakbulkan.

Ia mungkin disebabkan maksiat yang kita lakukan, hati lalai ketika memanjatkan doa atau memakan makanan yang haram.

Barangkali, doa kita tidak dimakbulkan kerana ALLAH SWT telah memilih sesuatu yang terbaik untuk diri kita dengan menggantikan apa yang kita minta dengan sesuatu yang lebih bermanfaat di syurga dan di akhirat kelak.

Kemungkinan juga, ALLAH sebenarnya menggantikan permintaan kita tadi dengan masalah lain seperti menghindarkan kita daripada pelbagai keburukan tanpa disedari.

Namun ada juga pandangan dari Sheikh Ibrahim Adham yang mengariskan 10 sebab mengapa Doa Terhijab:

- 1) Kamu mengenali Allah tetapi tidak menunaikan hak-Nya (perintahNya).
- 2) Kamu membaca al-Quran tetapi tidak beramal dengannya.

- 3) Kamu mendakwa iblis itu musuh kamu tetapi kamu menurut hasutannya.
- 4) Kamu mendakwa mencintai Rasulullah tetapi kamu meninggalkan amalan dan sunnah-nya.
- 5) Kamu mendakwa mencintai syurga tetapi kamu tidak beramal untuk mendapatkannya.
- 6) Kamu mendakwa membenci neraka tetapi kamu tidak meninggalkan perbuatan dosa.
- 7) Kamu mendakwa mati itu benar tetapi kamu tidak bersedia untuk menghadapinya.
- 8) Kamu sibuk menceritakan keaiban orang lain tetapi kamu lupa keaiban diri sendiri.
- 9) Kamu makan rezeki Allah tapi kamu tidak mensyukurinya.
- 10) Kamu mengebumikan jenazah saudaramu tetapi kamu lupa mengambil ikhtibar daripadanya

Pernah seorang guru menceritakan akan perihal terhibabnya doa kita adalah asbab “DOSA” yang kita lakukan. Selaku insan biasa, kita bukannya maksum seperti para Nabi. Kita tidak lagi dari berbuat kesalahan. Namun kita boleh mengurangkan dan menghindari DOSA.

Setiap dosa pula harus ditimbus dengan kekesalan atau rasa bersalah maka memohon KEAMPUNAN itu wajar dari seorang hamba kepada PENCIPTANYA bagi mendapatkan keredhaannya.

Tugas kita sebenarnya harus segera dan berbanyaklah memohon keampunan (Istighfar) dituturkan dengan rasa kekesalan yang merupakan taubat seorang insan.

Persoalannya adakah setelah dosa kita diampunkan maka DOA kita dimakbulkan? Maka berdamailah dengan takdir Allah yang di nasihatkan dalam hadith Riwayat Ahmad di atas.

Wallahualam.

\*\*\*\*\*



## LATIH-TUBI BERDOA

Diberikan satu contoh adab dalam memohon rezeki, mungkin sahaja kita berhajat untuk mendapatkan kelulusan projek, atau berjumpa klien bagi mendapatkan persetujuan beliau.

Ingat, tidak perlu tergopoh-gapah dalam menyampaikan hajat kerana Allah maha mengetahui isi hatimu. Ikhhlaskan hati dalam menerima apa juga pemberian dari Allah. Banyak sedikit, bukan urusan kita kerana tatkala penyerahan diri berlaku seharusnya kita telah mempunyai sikap redha dan ikhlas akan segala ketentuan Allah swt.

Kita terlalu terpengaruh dengan skill motivasi yang memerlukan “specific” item dan ternyata bilamana doa yang kita hajati itu tercapai, maka kita akan berkata “sebab aku doa secara TEPAT apa yang aku mahukan”. Tiada daya upaya kita melakukan ini semua tanpa izinnya. Bukan doa dimakbulkan menjadi ukuran. Yang jauh lebih penting adalah REDHA ALLAH.

Kini dengan beberapa contoh yang telah diberikan, anda boleh bermonolog dengan Allah dengan skrip yang terbaik yang boleh anda tuliskan.

**Contoh 1 : MEMOHON REZEKI (agar projek diluluskan)**

<b>Susunatur</b>	<b>Doa dipanjatkan</b>
Mengaku kehambaan, kelemahan dan kekurangan	Ya Allah, ampunkan kami yang sering hadir menghadapMu, tidak mengira masa, dalam keadaan yang penuh dosa dan berharap.
Berserah diri	KepadaMulah kami memohon segala keampunan dan permintaan. Tiada tempat kami meminta selain hanya kepadaMu jualah kami berharap.
Memohon hajat (penuh berhati-hati dalam mohon hajat)	Ya Allah, yang maha mengetahui setiap apa yang berlaku di hati hambahambanya. Yang mengetahui segala di hadapan dan keperluan kami. Kami hadir dengan penuh berharap hanya padaMu.
Memuji Allah dengan nama-nama yang mulia (Asmaul Husna)	Wahai Allah Ya Ghaffur ampuni kami jika kami berhajat tidak sesuai dengan keperluan kami ya Allah. Wahai Allah Ya Razzak, pemilik segala Rezeki yang ada di langit dan bumi, Wahai Allah ya Alim, yang mengetahui segala keperluan dan masa akan datang, wahai Allah Ya Mujib yang memperkenankan segala hajat, Wahai Allah Ya Razzak yang mengetahui keperluan dimasa depanku, kepadaMulah kami berserah dan kepadaMu juga kami mohon pertolongan.

## DOA MEMOHON : ANAK LULUS PEPERIKSAAN CEMERLANG

Susunatur	Doa dipanjatkan
Mengaku kehambaan, kelemahan dan kekurangan	
Berserah diri	
Memohon hajat (penuh berhati-hati dalam mohon hajat)	
Memuji Allah dengan nama-nama yang mulia ( <i>Asmaul Husna</i> ) ( <i>Ya Latif, ya Alim, Ya Rashid, Ya Mujib</i> )	

## DOA MEMOHON : DOA KESEMBUHAN

Susunatur	Doa dipanjatkan
Mengaku kehambaan, kelemahan dan kekurangan	
Berserah diri	
Memohon hajat (penuh berhati-hati dalam mohon hajat)	
Memuji Allah dengan nama-nama yang mulia (Asmaul Husna)	

**DOA MEMOHON :**

<b>Susunatur</b>	<b>Doa dipanjatkan</b>
Mengaku kehambaan, kelemahan dan kekurangan	
Berserah diri	
Memohon hajat (penuh berhati-hati dalam mohon hajat)	
Memuji Allah dengan nama-nama yang mulia (Asmaul Husna)	

**DOA MEMOHON :**

<b>Susunatur</b>	<b>Doa dipanjatkan</b>
Mengaku kehambaan, kelemahan dan kekurangan	
Berserah diri	
Memohon hajat (penuh berhati-hati dalam mohon hajat)	
Memuji Allah dengan nama-nama yang mulia (Asmaul Husna)	

**DOA MEMOHON :**

<b>Susunatur</b>	<b>Doa dipanjatkan</b>
Mengaku kehambaan, kelemahan dan kekurangan	
Berserah diri	
Memohon hajat (penuh berhati-hati dalam mohon hajat)	
Memuji Allah dengan nama-nama yang mulia (Asmaul Husna)	

Secara kesimpulannya, doa sebenarnya adalah dituntut. Malah itulah sikap sebagai seorang hamba yang sentiasa melirih akan keperluannya di dunia untuk jalan akhirat.

Berdoa bukan sahaja meminta dipenuhi hajat, namun doa adalah sebagai memohon “involvement” (campur tangan) Allah dalam urusan seharian kita.

Di saat kita mahukan campurtangan Allah dalam setiap tugas dan laluan harian kita, maka seharusnya kita tidak merasa letih! Kerana kita telah menyerahkan pada Allah sebagai penentu sebaiknya untuk jalan kita.

Yang perlu dipertingkatkan adalah HIKMAH di sebalik kejadian yang terlihat BERJAYA (makbul) mahupun merupakan UJIAN (belum dimakbulkan)

Ingat bilamana kita telah MENYERAHKAN urusan kepada ALLAH, maka apa yang hadir semuanya baik dari ALLAH. Walau terlihat zahirnya sakit buat kita, malah itu sebenarnya yang terbaik telah ditentukan buat kita. Yang perlu ditanamkan adalah sebuah KEYAKINAN dalam hidup bersyariat dan belajar dengan setiap HIKMAH KEHIDUPAN.

## SUMBER RUJUKAN

1. Perintah Berdoa  
Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan  
<https://muftiwp.gov.my/>
2. Tafsir merujuk pada  
<https://www.tafsiralquranbahasamelayu.com/>

Buku Doa Anak Adam ini adalah sebuah pemerhatian akan Doa-doa yang di panjatkan oleh para Ambiya'. Dengan menganalisisakan setiap baris permohonan atau Doa tersebut, ternyata amat jauh jika di bandingkan doa saya kepada pencipta berbanding para nabi.

Terasa amat kerdil dan terasa amat melampaui batas akan permintaan saya yang sering datang meminta dengan hajat-hajat tertentu hinggakan seolah-olah saya "memerintah" Allah untuk memberikan saya itu dan ini.

Allahu! Sungguh saya harus belajar adab dan tertib berdoa. Buku ini bukanlah buku adab berdoa seperti untuk persediaan memulakan satu-satu ritual. Namun ia lebih kepada skill dalam melatih diri untuk bersederhana dan meniru isi doa para Nabi.

Semoga ianya bermanfaat untuk kita menjadi orang yang lebih tertib dalam memohon doa.  
Insyallah.

- Tinta Ummi -